



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Meller Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinit 6 - 12 Julai 2026

Doa Hari Ini

Tuhan, Engkau telah mengajar kami bahawa segala perbuatan kami adalah sia-sia jika tidak dilakukan dengan kasih. Kirimkan Roh Kudus-Mu dan curahkan ke dalam hati kami pemberian kasih yang terutama iaitu ikatan damai sejahtera dan segala kebenaran, dan tanpanya sesiapa yang hidup dianggap mati di hadapan-Mu. Berikan permintaan kami ini demi Anak-Mu yang tunggal Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Lukas 3:7-17

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 4:32-37



BERTEKUN DALAM PERSEKUTUAN

KISAH PARA RASUL 2:42

“Yesus, tolonglah saya agar menjadi seorang sahabat yang baik kepada orang lain di gereja.”

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. PERJALANAN PEMURIDAN

Kita teruskan siri khutbah yang mengajak kita merenungkan kehidupan kita bersama di Gereja Kristus Likas, berdasarkan kehidupan Gereja Mula-mula dalam Kitab Kisah Para Rasul:

- Ciri-ciri Gereja , Kisah Para Rasul 2
 - hari ini - 'Berkongsi Bersama'
 - 19 Julai - 'Bersukacita Bersama'
 - 26 Julai - 'Berdoa Bersama'
- Cabaran-cabaran Gereja
 - 2 Ogos - 'Penyalahgunaan', Kisah Para Rasul 3 & 4
 - 9 Ogos - 'Ketidakpercayaan', Kisah Para Rasul 5
 - 16 Ogos - 'Salah faham', Kisah Para Rasul 6

23 Ogos ialah Minggu Penetapan.



2. KONFERENSI ALKITAB - 14-15 OGOS, JUM & SAB

Tema: 'Di bumi seperti di syurga' – membentuk pandangan dunia Kristian, iaitu bagaimana memahami kehidupan di bumi dari perspektif syurga.

- Penceramah utama: Dr. Jason Garwood (Amerika Syarikat) – suami, bapa, ahli teologi dan pastor. - <http://jasongarwood.com>
- 14 Ogos, Jumaat – Sesi 1: 'Penciptaan dan Pandangan Dunia'
- 15 Ogos, Sabtu – Sesi 2 & 3: 'Penebusan dan Pandangan Dunia'
- Sesi Bengkel: "Pemberian Kristian – Menggunakan Harta untuk Kerajaan Allah" & "Panggilan Kristian – Menggunakan Kehidupan untuk Kerajaan Allah."
- Semua Semua sesi terbuka kepada umum. Sila daftar untuk tujuan penyediaan makanan.

3. SYNOD DIOSIS KE-34 - 24-27 OGOS

Kita akan diwakili oleh semua paderi kita serta tiga orang wakil awam. Berdoalah untuk Bishop Melter agar beliau terus dipimpin oleh Tuhan dalam memimpin seluruh Diosis, melaksanakan misi Tuhan di Sabah dan juga di luar Sabah.

4. KELAS-KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Kelas-kelas mengikut ketetapan berikut:

- BC: Sab & Ahd, 10:00 pg, ARK; Rab, 7:30 mlm
- BI, pejabat gereja: Sel, 7:30 mlm; Jum, 7:30 mlm; Sab, 9:30 pg
- BM, pejabat gereja: Ahd, 9:30 pg; Sab, 3:30 ptg; Sab, 7:00 mlm

5. KOMUNITI GEMBALA BAIK

Sister Margaret ialah seorang 'sister' dalam Community of the Good Shepherd (COGS), sebuah ordo Anglikan di Diosis Sabah. Komuniti ini juga mengalu-alukan 'Rakan Komuniti', iaitu mereka yang berkongsi kasih dan komitmen terhadap pelayanan gereja, tetapi tidak berkhidmat sebagai Sister sepenuh masa.

Dalam mesyuarat yang diadakan pada 4 Julai lepas, ahli jawatankuasa baharu telah dilantik seperti berikut: Pengerusi – Sister Margaret; Kapelan – Rektor; Setiausaha – Florence Chong; Bendahari – Alice Kong; Ahli Jawatankuasa – Anita Chew, Lucy Lee, Julienne Sim dan Ps. Margaret.



Pada masa ini, rakan komuniti terlibat dalam dua pelayanan utama: (1) Penyediaan wafer untuk Perjamuan Kudus, dan (2) Jahitan pakaian bagi para paderi dan pastor. Wanita yang berminat menjadi rakan komuniti (atau ingin menyahut panggilan sebagai Sister) boleh menghubungi Kapelan.

6. VAN GEREJA BAHARU

Dana yang diperlukan: RM180,000. Sehingga kini: RM8,460.00
Marilah memberi menurut kemampuan yang Tuhan anugerahkan kepada kita. Nyatakan "van gereja" sebagai butiran.

7. PELAYANAN LAINNYA

- 13 Jul, esok, 8.00 mlm – **Persekutuan Doa ADOS-W** – CHI di Logos (Putatan), ENG di D'Stream, dan BM di CCL. Marilah berdoa.
- 18 Jul, Sabtu hadapan:
 - 9:30 pg – Pertemuan **Evergreens**, Dewan Omega.
 - 2:00 pm – **Mesyuarat PCC**, Dewan Alpha.
- 19 Jul, minggu depan – **Bazar Misi**; selepas setiap kebaktian.
- 30 Jul, Kha – **Perjamuan Kudus Rumah**, 8:00 pg.
- 20-23 Ogos – **Konferensi Empower 2026**, *Glory Christian Centre*. Perlu mendaftar. Bishop Melter Tais hadir sebagai penceramah.
- 15-16 Sep – **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Teo Chee Pang & keluarga.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



‘YANG KUKENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS’

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Jul 13	Why 18	Mz 30	Jum, Jul 17	Why 22	Mz 34
	Sel, Jul 14	Why 19	Mz 31	Sab, Jul 18	Mat 1-2	Mz 35
	Rab, Jul 15	Why 20	Mz 32	Ahd, Jul 19	Mat 3-4	Mz 36
	Kha, Jul 16	Why 21	Mz 33			

Kisah Para Rasul 2:42 - “Bertekun dalam Persekutuan”

- Untuk Renungan & Perbincangan:

- a. Bilakah anda mula memiliki bilik sendiri? Apakah pengalaman itu mengajar anda tentang berkongsi bilik dengan orang lain?
- b. Maksud asas persekutuan ialah berkongsi. Berdasarkan Kisah Para Rasul 2:42-47, apakah yang dikongsi oleh jemaat mula-mula? Mengapakah mereka sanggup berkongsi?
- c. Adakah amalan berkongsi seperti yang dilakukan oleh jemaat mula-mula masih praktikal pada masa kini? Apakah yang boleh kita kongsi pada hari ini (masa, perhatian, wang, kemahiran, doa, dll.)? Siapakah dalam gereja yang memerlukan sokongan kita, dari segi fizikal, sosial, mental dan rohani?
- d. Kehidupan Kristian ialah kehidupan dalam komuniti. Apakah arahan “satu sama lain” yang anda temui dalam Alkitab? (Rujuk Roma 12:16; 14:13; 15:7, 14.)
- e. Bagaimanakah kita dapat menyambut dan melayani mereka yang baru datang, yang pemalu, atau yang mempunyai kelainan upaya? Cadangkan beberapa langkah yang praktikal.

UNTUK DIDOAKAN

Kota Kinabalu yang Kita Kasih

- Berdoa agar lebih banyak program pembangunan belia disediakan, supaya mereka diperlengkapi untuk menghadapi kehidupan dan alam pekerjaan.

Gereja Kristus Likas yang Kita Kasih

- Berdoa untuk para staf gereja, agar mereka sehati dalam pelayanan, setia menjalankan tanggungjawab, dan sentiasa mempunyai hati yang ingin terus belajar.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita sentiasa bermurah hati untuk berkongsi apa yang telah Tuhan percayakan kepada kita, iaitu masa, harta benda, pengetahuan, dan kasih.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.